



SURUHANJAYA
PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT
COMMISSION

KENYATAAN TENDER

BUS RAPID TRANSIT KUALA LUMPUR KE KLANG (BRT KL - KLANG)

1. Program Transformasi Kerajaan 1.0 (GTP 1.0) tahun 2009 telah mengenal pasti *Bus Rapid Transit* (BRT) sebagai salah satu inisiatif utama bagi mentransformasi industri bas di Lembah Klang. KL - Klang adalah koridor utama daripada 12 koridor BRT yang dikenal pasti dalam Kajian Kemungkinan BRT di Lembah Klang. Tujuan tender ini adalah bagi melantik pembida yang berjaya untuk pelaksanaan BRT KL - Klang.
2. Permohonan cadangan ini adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar di Malaysia yang mempunyai pengalaman dalam projek transit atau projek infrastruktur dan bangunan bagi tugas berikut:

NO. TENDER	BUTIR-BUTIR TENDER	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN TENDER DIKELUARKAN	TARIKH TENDER DITUTUP
SPAD/RFP/ BRT/ NKRA/ 01/ 2017	<p><i>Request for Proposal</i> bagi Projek Bus Rapid Transit Laluan Kuala Lumpur ke Klang (BRT KL - Klang)</p> <p>Pelaksanaan projek merangkumi keseluruhan aspek perancangan, reka bentuk, pembiayaan, pembinaan, operasi dan pengurusan, serta penyelenggaraan dan kerja-kerja menaik taraf bagi projek BRT KL - Klang</p>	<p>Tarikh : Bermula 17 Januari 2017 (Selasa)</p> <p>Masa : 8.45 pagi hingga 5.00 petang</p> <p><u>Tempat Pembelian:</u> Ibu Pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Blok D, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur</p>	<p>Tarikh : 2 Mei 2017 (Selasa)</p> <p>Masa : 12.00 tengahari</p> <p>TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA</p> <p><u>Tempat Penyerahan:</u> Peti Tender, Ibu Pejabat Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Blok D, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur</p>

3. Setiap satu dokumen Tender berharga Ringgit Malaysia: Empat Ratus (RM400.00) sahaja termasuk cukai barangan dan perkhidmatan dan tidak dikembalikan. Bank Draf/Kiriman Wang/Wang Pos hendaklah ditulis atas nama **Kumpulan Wang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat**.
4. Syarikat yang ingin menyertai Tender ini adalah diwajibkan untuk menghadiri taklimat tender pada **Selasa, 24 Januari 2017 pada jam 9:30 pagi bertempat di Ibu Pejabat S.P.A.D, Block D, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur**.
5. Semua cadangan yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang berasingan serta bertanda dengan Tajuk dan Nombor Tender seperti di bawah pada sebelah kiri bahagian atas setiap sampul surat berkenaan.

BUS RAPID TRANSIT KUALA LUMPUR KE KLANG (BRT KL - KLANG) (NO. TENDER: SPAD/ RFP/ BRT/ NKRA/01/2017)

6. Tawaran yang diterima selepas jam **12.00 tengahari, 2 Mei 2017** tidak akan diterima atau dipertimbangkan.

www.spad.gov.my